

25 JAN 2002

Nik Aziz-Pahala

NIK AZIZ PERTAHAN KENYATAANNYA DAN AJAK BERMUZAKARAH

KOTA BAHARU, 25 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat tetap mempertahankan kenyataannya bahawa rakyat Kelantan yang mengundi PAS hingga membolehkan parti itu membentuk kerajaan negeri pada pilihan raya umum 1990 telah memperolehi pahala dan bakal mendapat ganjaran daripada Tuhan di akhirat.

Beliau yakin kenyataannya itu tidak memesongkan akidah umat Islam kerana ia berdasarkan kepada kaedah yang ditentukan oleh Tuhan selain umat Islam memahami bahawa mereka yang mengikut kehendak Tuhan akan diberikan ganjaran pahala.

Bercakap kepada pemberita di sini hari ini, Nik Aziz yang juga Mursyidul Am PAS turut mempelawa mana-mana pihak yang mempertikaikan kenyataannya itu supaya tampil bermuzakarah dengannya.

Akhbar tempatan hari ini melaporkan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas Nik Aziz yang bertindak seolah-olah sebagai Tuhan yang boleh menentukan pahala seseorang.

Kenyataan Nik Aziz itu turut mendapat kritikan termasuk daripada bekas anggota Dewan Ulama PAS, Profesor Madya Mohd Nor Deris yang menyifatkan kenyataan itu adalah bukti penyelewengan akidah yang dilakukan oleh pemimpin PAS.

"Kalau saya kata orang sembahyang boleh pahala itu terpesong kah, (kalau saya kata) orang sembahyang boleh pahala, orang pergi ke Mekah boleh pahala, adakah jadi saya ini macam Tuhan. Begitu juga dengan orang yang buat kebajikan dia akan boleh pahala, adakah kata-kata saya itu terpesong," kata Nik Aziz.

Beliau berkata kebanyakan mereka yang memberi reaksi kepada kenyataannya adalah berbentuk luahan perasaan marah dan bukannya mahu memberi jawapan yang sepatutnya.

"Mari kita berunding, kita berdialog, saya cakap orang lain jawab, orang lain cakap saya jawab tetapi jangan sampai dok sumpah-sumpah, kata stupid people itu bukan jawapan tetapi luahan marah," katanya.

Ditanya adakah beliau benar-benar bersedia untuk bermuzakarah sekiranya ada pihak yang menyahut cabarannya itu, Nik Aziz berkata: "Alhamdulillah, saya nak sangat bermuzakarah".

-- BERNAMA

BD MOZ